

TUDM perlu tingkatkan budaya cemerlang

kosmo 02/06/09 11.

PETALING JAYA - Seluruh anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) perlu bertekad meningkatkan keupayaan dari aspek penyelenggaraan dan memelihara semangat bekerja berpasukan serta mengamalkan budaya cemerlang demi mempertahankan kedaulatan dan keutuhan bangsa, agama dan negara.

Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang juga Kolonel Yang Dipertua TUDM bertitah, baginda menaruh harapan agar kesinambungan TUDM kekal menjadi satu institusi yang gagah dan kukuh.

"Berjuanglah dengan acuan kita sendiri, bersilaturahmi menguasai maruah dan kepercayaan yang tidak dicurigai," titah baginda pada Majlis Perbarisan Sempena Ulang Tahun TUDM Ke-51 di Pangkalan Udara Subang dekat sini semalam.

Pada majlis itu, baginda turut berkenan menyaksikan perbarisan terdiri daripada 14 pegawai dan 216 anggota lain-lain pangkat. Turut hadir ialah Panglima TUDM, Jeneral Tan Sri Azizan Ariffin dan timbalannya Leftenan Jeneral Datuk Seri Bashir Bakar.

Titah Sultan Pahang lagi, perayaan ulang tahun TUDM kali ini amat bermakna kepada baginda kerana ia turut menandakan 25 tahun baginda bersama TUDM selaku Kolonel Yang Dipertuanya sejak dilantik pada 1984.

Titah baginda, memandang evolusi kuasa udara berkembang dengan pesat dan meletakkan kuasa udara sebagai satu elemen yang terpenting, berserta dengan era globalisasi yang mewujudkan dunia sebagai satu perkampungan sejagat, TUDM diharapkan melangkah ke atas doktrin

dan strategi sebagai perseediaan menghadapi peralihan semasa yang semakin mencabar.

Titah baginda, sebagai sebahagian daripada tulang belakang pertahanan negara, peranan untuk menjamin kestabilan, kemajuan dan kemakmuran negara perlu menjadi matlamat TUDM.

Sultan Pahang bertitah, dalam menghadapi proses transformasi, anggota TUDM juga tidak perlu berasa takut atau malu untuk mengaku bahawa masih terdapat ruang yang boleh dan harus dibaiki.

"Hanya dengan perancangan yang jelas dan fokus transformasi, organisasi kita yang bermatlamat kepada satu organisasi yang unggul, profesional dan berkredibiliti akan menemui hasil kejayaan yang berwibawa," titah baginda. - Bernama



SULTAN Ahmad Shah meluangkan masa bermesra dengan anggota-anggota TUDM pada Majlis Perbarisan Sempena Ulang Tahun TUDM Ke-51 di Pangkalan Udara Subang semalam.